

Zakat Wang Kertas

Pertamanya, di dalam menentukan kadar zakat dizaman ini sudah tentulah dikadarkan dengan emas dan bukanlah dikadarkan dengan perak. Ketika mana Nabi s.a.w menentukan kadar nisob zakat dengan emas dan perak tidaklah nabi memaksudkan menjadikannya dua nisob. Namun ianya adalah satu nisob yang hanya dikadarkan dengan 2 jenis matawang, kerana makna nisob disisi syariat adalah had untuk orang yang diwajibkan zakat.

Zakat difardhukan kepada orang yang kaya untuk diberikan kepada fakir miskin, persoalannya siapakah orang-orang yang diwajibkan zakat? Ataupun dalam kata lainnya, bilakah seseorang itu wajib membayar zakat?

Ulama telah berselisih pendapat didalam menetapkan nisob bagi orang kaya dengan harta yang bebez. Maka dengan itu, wang dinisbahkan dengan dua benda :

1. Emas, nisobnya adalah 20 misqol
2. Perak, nisobnya adalah 200 dirham

Persoalannya, mengapa nabi s.a.w mengkadarkan nisob dengan emas dan perak?

Ini adalah kerana, masyarakat arab pada zaman itu tidak mempunyai matangwang yang khas untuk mereka. Maka, mereka menggunakan perak dirham yang datang dari parsi, dan dinar emas yang datang daripada Rom.

Disebabkan itu, nabi s.a.w telah menetapkan nisob orang kaya pada waktu itu, 20 dinar daripada emas, ataupun 200 dirham daripada perak, ketika mana dinar menyamai 10 dirham di pasaran pada waktu itu.

Selepas itu harga emas telah menurun. Kemudian pada zaman khilafah ar-rasyidin harga dinar adalah bersamaan dengan 12 dirham, kemudian sebanyak 15 dirham, kemudian sebanyak 20 dirham dan kemudian 30 dirham... Hinggalah ke zaman hari ini yang mana apabila perak dinisbahkan dengan emas ianya terlalu murah dan menjadikan perbezaan yang besar antara nisob perak dan nisob emas. Sebagai contoh, had orang yang wajib bayar zakat adalah 50 riyal Saudi jika dinisbahkan kepada perak dalam masa yang sama had orang wajib bayar zakat adalah 1500 riyal jika dinisbahkan kepada emas.

Apabila kita mengkadarkan matawang kertas dengan perak, ianya tidak akan bertambah lebih daripada 50 riyal... Manakala, jika dikadarkan dengan emas ianya akan menjadi suatu perbezaan yang besar antara dua nisob tersebut. Dinar islam yang pertama berkembang dan tersebar adalah pada zaman Abdul Malik Bin Marwan. Timbangan 1 dinar adalah bersamaan 4.25 gram pada zaman tersebut. Maka 20 dinar adalah bersamaan dengan 85 gram.

Untuk nisob perak ianya adalah terlalu sedikit kerana sesiapa yang memiliki 50 riyal tidaklah diiktibar sebagai kaya.

Hakikatnya, dinisbahkan kepada nisob emas adalah lebih tepat dan ianya lebih dekat dengan jenis nisob-nisob yang lain seperti 5 ekor daripada unta, 40 ekor daripada kambing, dan 30 ekor daripada lembu serta nisob-nisob yang lain.

Orang yang diwajibkan membayar zakat adalah orang yang memiliki nisob. Jika wang seseorang itu menyamai nilai 85 gram daripada emas, wajib keatasnya zakat dengan nisbah 2.5% ataupun 1/4.

Kadar terbaru bagi emas dan perak di Negara Jordan :
85 gram emas = JD1615 = RM8075
200 dirham perak = JD1000 = RM5000

Contoh permasalahan :
Muhammad mempunyai sejumlah wang tunai sebanyak JD5000. Maka wajib keatasnya membayar zakat kerana sudah mencukupi nisob yang telah ditetapkan oleh syara' iaitu sebanyak JD1615. Maka wajib keatasnya membayar zakat sebanyak 2.5% daripada JD5000.

2.5% X JD5000 = JD125

Disediakan : Azmuddin Bin Razali
Terjemahan dari Fatawa musarah Dr Yusof Al-Qardhawi & Rujukan Dr Ali Zuqaili

MATLAMAT e-FIKRAH !!!

1. Sebagai medium mengembangkan thaqafah dan fikrah mahasiswa Mu'tah.
2. Memasukkan artikel dalam e-FREKUNSI 100% hasil karya mahasiswa Mu'tah sendiri.
3. Menarik minat mahasiswa Mu'tah bagi menghasilkan artikel berbentuk Ilmiah.
4. Mengasah bakat-bakat baru dalam bidang penulisan.



Imam Ghazali telah mengaris-kan sepuluh perkara yang menyebabkan syaitan bermaharajalela di lubuk hati kita...

1. Marah dan syahawat.
2. Hasad dengki dan tamakkan dunia.
3. Kekenangan akibat makan terlalu banyak.
4. Terlalu menghis diri.
5. Keinginan mengampuni.
6. Harta dan kekayaan.
7. Lokek dan takut miskin.
8. Terlalu fanatik, taasub dan berdedam.
9. Terlalu memikirkan zat Allah dan sifatnya tanpa pengetahuan.
10. Sangka buruk terhadap kaum Muslimin.

Bil Kedua

PERMATA ACADEMIC BUREAU 09/10



e-FIKRAH

MEDIUM OUR INFORMATION



Fiqh dan Kehidupan

Penalti Bagi Peminjam

Riba yang paling jelas dan umum mengetahuinya adalah mengenakan lebihan dalam pinjaman

Ini berdasarkan kaedah ulama:

Setiap pinjaman yang mengalir padanya manfaat adalah riba.

Walaupun kaedah ini berasal daripada hadith dhaif, namun ijma ulama menjadikannya sebagai takrif riba dalam pinjaman. Manfaat yang dimaksudkan di sini boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk:-

1. Bayaran balik pinjaman lebih tinggi daripada jumlah asal.
2. Bayaran yang sama nilai, namun disyaratkan dengan beberapa perkara yang menguntungkan pihak yang memberi pinjam. Antaranya pemberian hadiah.

Islam berkonsepkan menolak kemudharatan demi maslahat manusia itu sendiri. Inilah sebabnya islam mengharamkan riba dalam pinjaman. Namun, persoalan yang timbul, bagaimana pula mudharat kepada pemberi pinjam, jika peminjam gagal melangsaikan hutangnya?

Secara umumnya, haram bagi penghutang melengahkan hutangnya takala dirinya mampu melangsainya berdasarkan hadith:-
Penangguhan hutang oleh orang yang mampu membayarnya, adalah satu kezaliman (ibnu majah)

Bahkan Qadi berhak memak-sanya melangsaikan hutang tersebut.

Namun, jika peminjam dalam keadaan kesempitan dan gagal membayarnya pada waktu yang dijanjikan. Bagaimana pula penyelesaiannya?

Bekas Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Mu'tah, Dr Syuesh Mahamid menyatakan secara ijmaya ulama mengharamkan menaikkan jumlah pinjaman sebagai beberapa perkara yang membayar kerana lebihan itu adalah riba. Di sini ada beberapa penyelesaian.

1. Memberi tempoh tambahan kepada penghutang agar berusaha melangsaikan hutang tersebut.
2. Menuntutnya daripada penjamin jika ada. Konsep ini dikenali sebagai 'kafalah' dalam islam.

3. Mengambil barang cagaran (rahu) jika disertakan.
4. Merujuk kepada mahkamah. Kebiasaannya mahkamah akan menjatuhkan hukuman muflis.
5. Mewujudkan badan khas daripada sumber zakat membantu mereka yang gagal mendapat pulangan pinjamannya. Mereka layak atas asnaf Al-Gharimin.

Namun, jika suatu hari nanti si penghutang muncul untuk membayar kembali maka wang tersebut hendaklah diserahkan kepada baitul Mal untuk maslahat umat islam.

Wallahu'alam

Oleh : Muhammad Shahrul Ifwat Bin Ishak



"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu bangsa, sehingga bangsa itu mengubah nasibnya sendiri."
(Ar-Rad: 11)



لا يزيد ولا ينقص
Tidak lebih dan tidak kurang

لا يواحد لا يرجل الاخر
Tidak seorang dan tidak pula yang lain

لا هذا ولا ذلك
Tidak ini dan tidak itu

ليس بالكثير وليس باقل
Tidak terlalu banyak dan tidak terlalu sedikit



ذآ تقدم البلاد تقمة الأمة
Apabila telah maju negeri itu, maka majulah umat/bangsanya

احب الأعمال الى الله ادومها وان قل
Yang paling disukai Allah amal kebajikan ialah yang tetap dikerjakan walaupun sedikit

الحاصلات الزراعية المهمة في بلادنا هي الارز والشاي والمطاط والتارجيل وقصب السكر وغيرها
Hasil-hasil pertanian yang terpenting dinegeri kami, ialah beras, teh, getah, kelapa, tebu, dan sebagainya

BA ORGANIZATION 09/10

Bureau Observer
Mohd Syafiq bin Mohd Shafiq
Kamilah binti Mohamad Murtadza

Bureau Chief
Azmuddin Bin Razali

Deputy Bureau
Nur 'Iffah binti Muhd Nasir

Secretary
Nur Akmalina binti Muhamad Kamaruddin

Treasurer
Nur Ziana binti Ahmad

Management & Student Welfare Unit
Ahmad Fikri bin Ahmad Faridudin
Abdul Halim bin Mat Nawi
Raihan binti Hasbullah

Communication & Research Unit
Mohd Ruzaimy bin Che Wan
Nurhafizah binti Abdul Halim
Zaharatul Umrah binti Tarmizi

Question Bank Unit
Muhammad Bin Othman
Norzita binti Nayan

Academic Support Class Unit
Mohd Hezrullah bin Abu Bakar Shaari
Nur Adhana Maryam binti Ali

Language Unit
Syed Mazlan bin Syed Azizan
Sakinah binti Abu Bakar
Nur Dayana binti Mohd Zukhi

MISSION OF ACADEMIC BUREAU SESSION 2009/2010

1. Meneruskan usaha meningkatkan prestasi pelajar dalam universiti.
2. Berusaha mengembangkan pemikiran pelajar Mutah.
3. Melicinkan pengurusan pelajar di universiti.

Pengenalan

Freemason dalam disiplin bahasa bermaksud, Jurubina bebas. Dicedok dari sejarah tukang bina gereja pada zaman pertengahan Eropah. Freestone Mason adalah tukang ukir yang mempunyai seni yang amat halus dalam mengukir batu-batu untuk membina gereja.



Logo Freemason

Justeru, Freemason secara istilah adalah la a d a l a h nama bagi pertubuhan rahsia yang ditaja oleh Yahudi, bersatu dan merancang strategi yang amat halus dengan tujuan utama, menajuhkan manusia dari tuhan (ALLAH) selain bertujuan untuk menguasai bangsa lain dan dunia secara keseluruhan. Mereka menggunakan pelbagai cara termasuk cara yang buruk dan ganas supaya dapat menguasai dunia dalam jangka panjang.

Untuk menelanjangkan Freemason, seharusnya, idamilakan dengan mengenal Yahudi dan sejarahnya. Ini kerana, ia cukup berkait rapat dengan Yahudi dan sejarah penentangannya terhadap Namun yang jelas ialah, Freemason cukup berkait rapat dengan gerakan Yahudi dunia, Zionis, begitu juga Illuminati.

Bertepatanlah dengan firman Allah : *Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka*[Al-Baqarah : 120] Islam.

Seperti yang berlaku di dalam peristiwa nuzul surah Al-Kahfi dan pengkhiatanan Yahudi ketika pemerintahan Rasulullah di Madinah.

Namun, dengan ruang yang singkat ini, biarlah saya memberi gambaran ringkas terhadap Freemason.

Sejarah Awal Freemason

Penubuhannya penuh bahasa. Secara ringkasnya, ada pelbagai teori tentang sejarah awal pergerakan ini, antaranya adalah :

1. Kultus Iris-Osiris pada zaman Mesir kuno
2. Kesatria Templar atau sekumpulan kecil pasukan kesatria yang telah memerangi tentara Islam di Jerusalem
3. Ditubuhkan pada zaman raja Herod Agrippa I (10 SM-44 M) pada tahun 44 Masihi bersama beberapa orang pemerintah Yahudi bagi menentang perkembangan agama Kristian pada masa itu.
4. Ditubuhkan pada abad ke-2 SM oleh ahli kitab atau pendeta Yahudi daripada mazhab Essene
5. Sesetengah ilmuan Freemason berpendapat bahawa Freemason menjejak akar umbi mereka kepada pembinaan Haikal Sulaiman (King Solomon's Temple) di Jerusalem pada 967 S.M. Asas cerita itu tertumpu kepada seseorang yang bernama Hiram Abiff yang mendakwa mengetahui rahsia Haikal Sulaiman.

Maka berdasarkan teori-terori asal usul ini, pendapat umum mempercayai selain daripada pergerakan ini menjalankan aktiviti-aktiviti kepentingan Yahudi dan zionis yang berselelu dengan disebalik sosial,

ada juga mempercayai bahawa adalah untuk membina semula Kuil Nabi Sulaiman di atas robohan Masjidil Aqsa

Kejahatan Freemason

- Menjadi badan pelaksana kepada Illuminati dan Zionis.
- Merancang merobohkan dan membakar Masjid Al-Aqsa.
- Merancang meruntuhkan Khilafah terakhir umat Islam, Khilafah Turki Uthmaniyyah.
- Menyelinap masuk ke dalam pertubuhan agama, kebajikan dan sebagainya sebagai teknik untuk mengutip rahsia serta menanam idea mereka.

Dasar-Dasar dan Ajaran

Antara fahaman dibawa oleh Freemason ini adalah:

- Mengingkari Allah, para rasul, kitab-kitab dan perkara-perkara ghaib. Mereka menganggap semua itu sebagai karut dan dongeng.
- Berusaha ke arah menjatuhkan kerajaan-kerajaan yang tidak dapat dipengaruhi dengan segala cara sahaja.
- Mengharuskan perkara yang haram seperti zina dan memperlakukan wanita bagi mempengaruhi pemerintah.
- Mewujudkan jurang bangsa selain Yahudi kepada beberapa kelas. Mereka menganggap bangsa selain Yahudi bertaraf rendah dan berusaha melaga-lagakan mereka dengan mencetuskan perang dan sebagainya.
- Membekalkan senjata kepada kumpulan-kumpulan pemberontak.
- Menimbulkan perbalahan-perbalahan kaum di beberapa buah negara dunia.
- Meruntuhkan akhlak dengan pelbagai cara seperti menggunakan media massa dengan membiaya dan menganjur sesuatu program. Ia bertujuan menimbulkan kegelisahan orang ramai yang berpegang pada agama dan berakhlak baik dengan menubuhkan unsur-unsur kekufuran dan keganasan.
- Menggalakkan rasuah dan keruntuhan akhlak di kalangan pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan. Mereka melakukan kegiatan-kegiatan itu bagi memperlakukan golongan eksekutif.
- Menjerat dan mengumpun pemimpin-pemimpin dan orang yang berpengaruh dalam masyarakat sehingga mereka terpaksa tunduk kepada Freemason.
- Menubuhkan beberapa persatuan dan pertubuhan yang dapat menarik golongan kenamaan supaya masuk ke dalam perangkap mereka. Contohnya pertubuhan Lions, Rotary dan sebagainya.


□ Mempengaruhi belia-belia melalui kegiatan tertentu seperti sukan, pelancongan dan sebagainya.

□ Mempengaruhi kerajaan supaya menaungi kegiatan-kegiatan yang mereka lakukan.

□ Melahirkan teori-teori dan ideologi-ideologi yang menyekat.

□ Mempengaruhi pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dalam pelbagai bidang samada politik seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, ekonomi dan masyarakat.

Mohd Ihsan Fadhi Bin Che Min
Tahun 1, Fiqh Dan Usulnya.
www.hasanhusaini.com
hasanhusaini@yahoo.com



Apa Itu hadith Mu'allaq?

Hadith mu'allaq ialah hadith yang digugurkan seorang perawi atau ramai pada permulaan sanad secara berturutan.

Hukum hadith mu'allaq

Hukum hadith mu'allaq adalah dhaif, kerana kita tidak mengetahui siapakah perawi yang digugurkan dari sanad itu dan bagaimana pula keadaannya dari segi adil dan dhoibitnya.

Terdapat hadith mu'allaq di dalam Sahih Bukhari?

Hadith mu'allaq yang terdapat di dalam Sahih Bukhari bukanlah seperti mana hadith mu'allaq yang kita ketahui melalui ta'rif di atas. Dan para muhaddith telah berpendapat bahawa hadith mu'allaq di dalam Sahih Bukhari ini juga bukanlah daripada syarat Imam Bukhari itu sendiri, bahkan nama kitabnya juga adalah al-Jami'u musnad as-Sohih al-Mukhtasar min umuri RasuliLLAH S.A.W.

Hukum hadith mu'allaq di dalam Sahih Bukhari

-Jika hadith itu bersambung sanad :

Terjadinya hadith mu'allaq pada hadith yang bersambung sanad ini adalah bilamana Imam Bukhari mengulang hadith yang sama pada tajuk atau bab yang lain. Dan apabila beliau mengulang hadith tersebut beliau tidak lagi menyebut sanad-sanadnya kerana Imam Bukhari tidak suka mengulang-ngulang sanad yang telah disebutkan terdahulu. Maka hukumnya di sisi para muhaddith adalah sahih dan memang tidak dapat dinafikan lagi.

-Jika hadith itu tidak bersambung sanadnya :

Para muhaddith telah membahagikannya kepada 2 bahagian :

1. Dengan lafaz jazam :

(cth: روى، ذكر وهكذا...) Jika hadith tersebut diwayatkan atau didatangkan dengan lafaz ini maka hukumnya adalah sahih di sisi para muhaddith. Kerana lafaz jazam itu sangat kuat.

2. Dengan lafaz tamridh :

(قيل، روي، ذكر وهكذا...) Tetapi bilamana Imam Bukhari mendatangkan hadith-hadithnya dengan lafaz ini pada sanadnya, maka para muhaddith telah bersepatik bahawa hadith-hadith tersebut tidak dapat tidak memerlukan kepada pengkajian dan penelitian yang mendalam untuk memastikan kesahihannya. Dan itu tidak memberi kesan kepada hadith-hadith sahih yang lain di dalam kitabnya kerana Imam Bukhari hanya menghimpunkan di dalam kitabnya hadith yang bersambung sanad sahaja dan telah menerangkan dengan khusus berkenaan hadith mu'allaq di dalam kitabnya.

Tetapi bilamana Imam Bukhari mendatangkan hadith-hadithnya dengan lafaz ini pada sanadnya, maka para muhaddith telah bersepatik bahawa hadith-hadith tersebut tidak dapat tidak memerlukan kepada pengkajian dan penelitian yang mendalam untuk memastikan kesahihannya. Dan itu tidak memberi kesan kepada hadith-hadith sahih yang lain di dalam kitabnya kerana

Imam Bukhari hanya menghimpunkan di dalam kitabnya hadith yang bersambung sanad sahaja dan telah menerangkan dengan khusus berkenaan hadith mu'allaq di dalam kitabnya.

Pandangan ahli hadith terhadap kitab Sahih Bukhari

Para muhaddith seluruhnya telah bersepatik mengiktibarkan bahawa kitab Sahih Bukhari adalah kitab kedua yang paling sahih selepas Al-Quran.

Tetapi terdapat juga kalangan ahli hadith yang menetakwilkan kitab Sahih Bukhari ini dengan menyatakan bahawa terdapat juga hadith dhaif di dalam Sahih Bukhari. Dan antara hujah mereka adalah Imam Bukhari pun adalah manusia biasa dan tidak terlepas daripada silap dan salah. Antaranya ialah Ketua Jabatan Usuluddin di Jamiah Mu'tah sendiri, iaitu Syeikh Dr Muhammad Said Hawwa yang terkenal di kalangan ahli hadith kerana mendhaifkan hadith Bukhari. Dan antara ulama' yang menentang keras kenyataan beliau adalah Syeikh Ali al-Halabi, seorang ulama' hadith terkenal di Amman, Jordan.

- Muhammad Afiq Bin Adnan,
Rujukan :
1. kitab al-minhaj al-hadith fi ulum al-hadith,
2. kitab dirasat fi manahij al-muhaddithin,
3. muhadharah manahij muhaddithin.

Tidak ada sesuatu yang lebih berat di atas neraca timbangan seorang hamba di hari kiamat selain dari akhlak yang baik. (Hadis riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Pandangan itu ada satu penahanan dari penahanan iblis. (Hadith riwayat Al-Hakim dan At-Tabrani)

Bukanlah dia seorang mukmin (jika) dia suka menuduh, suka melaknat, bercakap kotor dan keji. (Hadis riwayat Tirmizi).

Sesiapa yang banyak bercakap banyaklah kesalahannya, sesiapa yang banyak kesalahannya banyaklah dosanya dan siapa yang banyak dosanya, api nerakalah paling layak untuk dirinya. (Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Sesungguhnya seorang hamba itu akan mencapai darjat orang-orang yang berpuasa serta bersebahyang malam dengan sifat lemah lembutnya. (Hadith riwayat Tirmizi daripada 'Aishah dan Abdul Qadir al-Arna'ut berkata: Sanadnya sahih)

"Berapa ramai orang yang mengerjakan sebahyang, habuan yang ia terima hanyalah penat dan lelah. (Hadis Riwayat Al-Nasa'i)



Soalan
Apakah melihat aurat sesama sendiri seperti lelaki melihat aurat lelaki dan perempuan melihat aurat perempuan di haramkan?

Jawapan : Ia memang diharamkan mengikut maksud riwayat hadis. Dalam hadith sahih yang menerangkan bahawa, lelaki tidak boleh melihat aurat sesama lelaki dan begitu juga bagi wanita juga tidak boleh melihat aurat sesama wanita. Hadith riwayat Abu Sa'id Al-Khudri, yang menurut muslim, Abu Daud dan Al-Tarmizi lafaznya berbunyi : "Janganlah hendaknya lelaki melihat aurat lelaki lain dan wanita melihat aurat wanita lain. Dan jangan lelaki tidur satu selimut dengan lelaki lain dan wanita tidur satu selimut dengan wanita lain.."
p/s : Jagalah aurat masing-masing. Anda mampu mengubahnya.

